

22/09/2003

Kita terus bersuara walau PBB hanya organisasi kosong

Hafifi Hafidz

"BERAPA lama lagi tempoh anda akan bertugas sebagai Setiausaha Agung dan apa rancangan selepas tidak lagi memegang jawatan itu?" tanya wartawan Time, James Carney.

Kofi Annan menjawab. "Ada lebih kurang tiga tahun lagi. Saya belum buat keputusan nak buat apa selepas itu. Tetapi saya beritahu rakan-rakan, saya mahu menjadi petani - kembali kepada alam semula jadi.

"Isteri saya ketawa besar bila saya memberitahunya. Tetapi saya dapat rasakan diri ini akan lebih bahagia menjadi petani semula agar dapat membantu rakyat benua itu mengisi perut mereka."

Apakah jawapan sedemikian mencerminkan satu kekecewaan?

Dalam temuramah 10 soalan yang disiarkan oleh majalah Time, terbitan terbaru (15 September), Annan juga menyatakan bahawa adalah satu kesilapan bagi Amerika memerangi Iraq tanpa restu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, adalah lebih baik jika Amerika dapat bersabar sedikit dan bekerjasama dengan anggota Majlis Keselamatan yang lain, sebelum melancarkan peperangan kali kedua itu.

Dua minggu lalu, Annan dalam laporannya juga mengkritik keras majlis itu yang disifatkannya tidak demokratik dan hanya mewakili struktur kuasa dunia yang sudah usang.

Pembaharuan radikal mesti dibuat kerana keyakinan terhadap badan dunia itu semakin terhakis manakala kemarahan anggota terus memuncak. Banyak keputusan yang dicapai pada perhimpunan agung tidak dipedulikan oleh negara anggota terutama kuasa besar. Setiap perdebatan adalah cerita lama, tidak bernas dan kurang meyakinkan dari segi manfaatnya kepada negara kecil, lemah dan mundur.

"Saya sendiri rasa tidak senang duduk dengan apa yang berlaku dalam sistem PBB sekarang. Tanyalah diri sendiri (Majlis Keselamatan) apakah sistem dan struktur yang mereka amalkan dalam PBB sekarang mencukupi untuk menangani masalah tahun-tahun mendatang," katanya.

Menerusi laporan dan banyak kenyataannya kebelakangan ini, Annan jelas kecewa dengan PBB. Namun, tidak dapat dielakkan akan ada pihak yang berasakan kata-kata pedasnya itu barangkali satu mainan politik atau wayang sebagai 'petugas' yang diberi mandat mentadbirkan organisasi dunia itu. Apakah Annan benar-benar ikhlas dengan setiap kecaman yang diucapkannya? Mahupun ia juga adalah untuk menutup kelemahan sendiri. Apapun, jika bantahan lebih 180 anggota tidak diambil endah, apakah kritikan Annan itu mempunyai banyak keistimewaan untuk dipatuhi?

Setiap tahun, 21 September diisytiharkan Hari Kedamaian Dunia. Selasa ini Perhimpunan Agung PBB kali ke-58 akan berlangsung di New York. Annan, Setiausaha Agung PBB ketujuh, seperti biasa akan berucap. Pemerhati yakin nada mengkritik akan diulangi beliau lagi. Cuma harapan semua, kritikan itu bukan sekadar bermuka-muka menyedapkan hati anggota pada perhimpunan. Annan lebih mengetahui keikhlasan dan kejujuran apa yang akan diperkatakannya terhadap PBB.

Kita sudah berpuluh tahun dalam PBB. Malaysia menganggotai PBB 17 hari selepas negara diisytiharkan merdeka, bersamaan 17 September 1957. Selepas sebulan merdeka, Tun Dr Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai Wakil Tetap Malaya yang pertama di PBB. Bermula tarikh itu, pemimpin Melayu kita menghadiri dan berucap pada perhimpunan PBB.

Kali pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berucap di PBB ialah pada perhimpunan ke-37 iaitu 29 September 1982. Sejak penubuhan PBB lagi, Malaysia kuat menyokong badan dunia itu walaupun banyak kelemahan. Bagi pemimpin kita, PBB tetap penting cuma kebimbangan Malaysia memuncak apabila melihat kepentingannya itu disalah guna dan diperkotak-katikan

oleh kuasa besar.

Atas kepentingan, keprihatinan dan kepercayaan tinggi terhadap PBB juga, Perdana Menteri seboleh mungkin tetap datang untuk berucap di PBB menyatakan apa yang terbuku di hati Malaysia. Atas harapan tinggi itu, beliau meletakkan anak Malaysia, Tan Sri Razali Ismail yang pernah dilantik sebagai presiden perhimpunan agung itu. Sebagai negara anggota, kita mahu terbabit secara aktif dengan berani bersuara dan menegur. Ini kerana Malaysia tidak mahu wujud amalan ikut telunjuk dan negara lemah terus dibuli kuasa besar.

Kritikan dan pandangan Dr Mahathir pada setiap perhimpunan PBB sentiasa diberi perhatian serius. Jika kita masih ingat, Perhimpunan Agung 1995, menyaksikan Dr Mahathir mengecam peranan Boutros Boutros Ghali dalam menangani peperangan di Bosnia Herzegovina. Malaysia kesal sensitiviti agama diketepikan sehingga ratusan ribu orang Islam, wanita dan kanak-kanak terkorban. Begitu juga kritikan beliau terhadap Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menyelesaikan kemelut ekonomi apatah lagi kejelekan sistem kapitalis Barat yang disokong oleh kekuatan ketenteraan. Persaingan antara gergasi dengan orang kerdil yang dikatakan adil digembar-gemburkan hingga memaksa satu suasana atau platform perdagangan yang sama diwujudkan. Kesimpulannya, Malaysia melihat PBB muncul sebagai organisasi tidak bersifat pembela dan semakin tidak boleh diharap.

Khamis ini, Dr Mahathir akan berucap sekali lagi di PBB. Tentunya, kandungan dan nada ucapannya kali ini akan lebih menarik dan mendapat perhatian ramai, lebih-lebih lagi ini adalah kali terakhir beliau menghadiri perhimpunan itu sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Dr Mahathir terkenal atas keberaniannya mengkritik kepincangan dunia baru. Bagi beliau, laungan demokrasi, hak asasi, keamanan dan kesaksamaan sekadar cakap tak serupa bikin. Pencerobohan dibuat atas nama hak asasi manakala perdagangan liberal perlu kerana globalisasi adalah tanpa sempadan. Apa yang ketara negara besar terus angkuh dengan kekuatan mereka. Kuasa besar hanya akan berpuas hati apabila dunia dapat dipaksa mengikut acuan mereka. Lantaran, negara lemah sentiasa hidup dalam suasana yang takut dan mencurigakan.

Perdana Menteri kerap menyatakan rasa kecewanya dengan apa yang berlaku di PBB. Begitu juga dengan ramai pemimpin dunia lain. Mengulas kenyataan terbaru Annan bahawa PBB perlu pembaharuan radikal, ia pernah disuarakan beliau ketika pertama kali berucap di PBB pada 1982. Veto disalahgunakan dan PBB hanya organisasi kosong.

Masalahnya ialah tidak ada kesungguhan dan kesanggupan politik di kalangan negara besar melaksanakan apa yang dikatakan oleh Annan. Walaupun ia perkara basi, Perdana Menteri gembira sekurang-kurangnya, Annan berkongsi pandangan dengan beliau.

Al-kisahnyanya, PBB ibarat satu penglipur lara yang tidak berkesudahan. Ia terpaksa diulang-ulang tanpa rasa jemu sama ada sedap atau sakit didengar telinga.

Bagi Malaysia, kita akan terus bersuara lantang walaupun pandangan kita tidak semudah itu diterima mereka.

Perkembangan terbaru di Palestin, kegagalan mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico dan desakan Amerika agar PBB terbabit secara lebih besar terhadap pembangunan semula Iraq, dijangka menjadi isu besar diperdebatkan oleh perhimpunan kali ini. Veto Amerika menyokong cadangan membunuh atau mengusir Presiden Palestin, Yasser Arafat dan kegagalan WTO dijangka akan disentuh oleh Malaysia. Walaupun perhimpunan ini adalah rutin tahunan dan lebih banyak bercakap daripada melihat pelaksanaannya khusus membabitkan peranan lebih besar PBB, apa ada pilihan bagi Malaysia selain terus bersuara.